

15 SEP 2002

Ling-Kempen

MCA TIDAK BERCADANG LANCAR SEKALI LAGI KEMPEN BANTERAS GEJALA SOSIAL

JOHOR BAHRU, 15 Sept (Bernama) -- MCA tidak mempunyai cadangan untuk melancar sekali lagi kempen membanteras kegiatan sosial dan penggunaan pil ecstasy di kalangan remaja, terutama kaum Cina di negara ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebaliknya berkata kempen yang telah dijalankan suatu ketika dulu telah berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan remaja dan ibu bapa tentang bahaya pil ecstasy serta kesan buruk gejala sosial itu.

"Tidak, kita tidak boleh lancarkan semula, sebaliknya kita perlu tingkatkan tahap kesedaran di seluruh negara supaya semua pihak bertanggungjawab, semua ibu bapa, datuk dan nenek-nenek tahu bahaya gejala ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Persatuan Perkembangan Ajaran Dewi Kwan Yin Malaysia di Taman Tampoi Utama di sini, hari ini.

Katanya, mengadakan kempen sekali lagi bukan jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah sosial itu. Apa yang lebih penting ialah menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan pengedaran pil ecstasy dan pil khayal yang lain terhapus sama sekali.

"Kesedaran telah dapat kita tingkatkan, yang penting sekarang ialah penguatkuasaan... ia perlu diteruskan dan tidak boleh berhenti. Saya harap pihak berkuasa akan bertungkus lumus menghapuskannya," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau meminta masyarakat terutama kaum Cina di negara ini menghargai keamanan dan perpaduan berbilang kaum yang telah dikecapi negara sehingga membolehkan negara terus maju.

"Dulu kita sebuah negara yang "kecil" serta tidak dikenali dunia, namun di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita telah terkenal dan ramai ingin belajar bagaimana kita boleh maju dan mengecapi keamanan dalam suasana bangsa yang berbeza," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata kemajuan dan kemakmuran itu tidak akan membawa faedah sekiranya golongan belia dan remaja masih terlibat dalam pelbagai masalah sosial seperti menghisap dadah, pil ecstasy dan seks bebas (bohsia).

Dr Ling kemudian turut mengumumkan peruntukan wang sebanyak RM20,000 akan diberikan kepada persatuan agama itu, awal tahun depan.

--BERNAMA

RAM ZB